

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN BUKU DAFTAR HARI MERDEKA  
DAN JAMUAN MAKAN MALAM

TEMPAT: DEWAN NIRWANA, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 AUG 1991

MASA:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata di Majlis ini dan seterusnya melancarkan Buku Daftar Hari Merdeka bagi tahun 1990. Inilah kali ketiga saya diberi penghormatan melancarkan buku ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan, terutama Pengerusinya Yang Berhormat Dato' Seri Sanusi Junid, atas usaha gigih mereka menjayakan penerbitan buku ini buat kali ketiganya.

3. Buku ini amat penting daripada segi nilai sejarahnya kerana ia dapat dijadikan bahan rujukan yang amat berguna kepada generasi akan datang. Melalui buku ini juga kita dapat memahami aspek sejarah, ekonomi, sosial dan kebudayaan penduduk negara ini. Bagi para pelancong dari luar negeri buku ini dapat memberi gambaran sepintas lalu tentang suasana dan cara kehidupan di negara ini.

4. Daripada segi kandungan, ianya amat sesuai sekali dan memenuhi hasrat penerbitannya. Buku ini turut memuatkan rakaman peristiwa-peristiwa sambutan Perayaan Hari Kebangsaan pada tahun-tahun yang lepas, sama ada di Peringkat Kebangsaan mahupun di Peringkat Negeri.

5. Buku ini juga dimuatkan dengan pelbagai artikel dan rencana berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan negara di bidang ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa. Ianya juga merekodkan nama syarikat-syarikat yang telah berjaya di dalam beberapa aspek pertandingan. Rekod ini amat penting kerana ianya merupakan pengiktirafan negara kepada sektor swasta yang telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan dan kemajuan negara.

6. Penerbitan buku ini sendiri membawa makna yang begitu besar bagi kita. Bahan-bahannya disediakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan daripada sumber-sumber Kerajaan dan bukan Kerajaan. Ianya diterbit dan dicetak oleh syarikat swasta dengan kos penerbitannya dibiayai daripada hasil jualan

iklan kepada syarikat-syarikat swasta.

7. Saya merasa sukacita dan bangga bahawa syarikat-syarikat swasta telah menyumbang wang untuk membiayai penerbitan Buku Daftar Merdeka ini. Memang wajarlah syarikat-syarikat swasta memberi sumbangan kerana kejayaan dan kemajuan yang mereka perolehi sekarang adalah hasil daripada nikmat kemerdekaan. Semangat kerjasama ini adalah penting dan perlu sentiasa wujud dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020.

8. Setiap 31 Ogos, rakyat Malaysia menyambut Perayaan Hari Kebangsaan dengan berbagai-bagai acara untuk menunjukkan kesetiaan dan semangat patriotisme kepada negara. Di samping bergembira, kita juga hendaklah memperingati dan mengenang kembali jasa-jasa pemimpin-pemimpin negara yang telah berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Kemakmuran dan kemewahan yang kita nikmati pada hari ini adalah hasil daripada perjuangan pemimpin-pemimpin tersebut.

9. Untuk memastikan masa depan negara yang lebih cerah, generasi muda sekarang perlu sedar dan menghargai semangat perjuangan pemimpin-pemimpin dan rakyat dalam menuntut kemerdekaan. Dengan cara ini kita akan dapat melahirkan generasi semasa yang bukan sahaja sanggup berkorban tetapi juga berusaha dengan gigih dan tekun demi menjamin bahawa negara akan terus maju, aman dan makmur. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama memastikan bahawa generasi muda kita mengikut haluan yang betul dan terhindar daripada gejala-gejala yang tidak diingini yang mungkin menggugat matlamat kita menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

10. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Pengerusi Perayaan Hari Kebangsaan atas kejayaan menerbitkan buku ini. Kepada syarikat-syarikat swasta yang telah sama-sama membantu menerbitkan buku ini dan menjayakan majlis malam ini, saya juga mengucapkan terima kasih dan berharap kerjasama ini akan diteruskan.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahman nirrahim, saya dengan sukacitanya Melancarkan Buku Daftar Hari Merdeka 1990. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.